

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN WONG TIEN FATT @ WONG  
NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**
- TARIKH** : **3 APRIL 2018**
- SOALAN** : **Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh  
[ Sandakan ] minta **MENTERI LUAR  
NEGERI** menyatakan apakah tindakan  
yang diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia  
terhadap tuntutan dari Filipina ke atas  
kedaulatan negeri Sabah. Apakah tindakan  
selanjutnya Kerajaan Malaysia untuk  
memastikan pihak Filipina menghentikan  
tuntutan tersebut yang tidak sah dan  
munasabah.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sandakan di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalinan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina adalah baik dan berada di tahap yang tinggi. Kedua-dua negara sentiasa mengikrarkan komitmen untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada serta menjangkau ke arah mencari kerjasama-kerjasama baru di dalam usaha mempertingkatkan lagi keakraban ini.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah berulang kali menegaskan pendiriannya bahawa Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian dari Malaysia sejak 16 September 1963.

4. Saya selaku Menteri Luar Negeri, telah beberapa kali mengeluarkan kenyataan bagi menegaskan pendirian Malaysia yang tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Sabah. Manakala, pada 19 Mei 2015 dan 1 Mac

2016, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Filipina di Kuala Lumpur berhubung kenyataan beberapa pemimpin Negara berkenaan berkaitan tuntutan ke atas Sabah untuk menegaskan pendirian Malaysia.

5. Pada tahun ini, saya sekali lagi telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar apabila Aquilino Pimental Jr, Ahli Jawatankuasa Konsultasi Filipina telah membangkitkan berkenaan isu tuntutan ke atas Sabah di media massa Filipina.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pada tahun 1962, rakyat Sabah telah melaksanakan hak menentukan sendiri (self-determination) status negeri mereka untuk berada di dalam Persekutuan Malaysia. Laporan Suruhanjaya Cobbold pada 1 Ogos 1962 kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan bahawa lebih daripada dua pertiga rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia pada tahun 1963.

7. Pada 14 September 1963, Setiausaha Agung PBB melaporkan kepada Perhimpunan Agung PBB (UN General Assembly) bahawa rakyat negeri Sabah menyokong penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia.

8. Malaysia tidak sekali-kali akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak (Filipina atau kesultanan Sulu) ke atas sebahagian atau keseluruhan negeri Sabah. Negeri Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan bukannya sebuah wilayah yang dipertikai.

9. Kerajaan Malaysia juga tidak melayan sebarang tawaran penyelesaian terhadap tuntutan ke atas Sabah dari mana-mana pihak yang mengaku sebagai waris Kesultanan Sulu.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Saya ingin menegaskan kepada ahli Dewan yang mulia ini agar jangan kita menggunakan isu berkenaan sebagai agenda yang bersifat politik. Kerajaan amat prihatin dan mengambil berat berkenaan isu ini dan tidak akan berganjak dari mempertahankan kedudukan Sabah dari mana-mana pihak yang cuba mencemar kedaulatan itu.

Sekian, terima kasih.